

✓

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JPS 411 – SISTEM PENGAJARAN SEKOLAH RENDAH**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan. Jawab SOALAN NO. 1 dan TIGA soalan lain.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**SOALAN WAJIB**

1. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang dilaksanakan pada tahun 1983 dengan mengambil kira bahawa setiap murid diberi peluang yang sama untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira.  
Huraikan LIMA (5) teras KBSR sebagai pedoman guru dalam usaha merancang pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

(25 markah)

**Jawab TIGA (3) soalan.**

2. Pengajaran secara deduktif merupakan suatu pengajaran yang bermula daripada kesimpulan umum atau teorem kepada aplikasi dalam beberapa contoh atau situasi khusus.  
Dengan menggunakan contoh yang sesuai, huraikan langkah-langkah pengajaran secara deduktif di sekolah rendah.

(25 markah)

3. Teknik perbincangan dapat memupuk pemikiran kritis, analitis dan kreatif di kalangan murid-murid sekolah rendah. Huraikan LIMA(5) prinsip yang perlu dipatuhi semasa guru menjalankan aktiviti perbincangan.

(25 markah)

4. Penilaian pencapaian dijalankan untuk menentukan sejauh manakah murid-murid sekolah rendah telah memahami pengajaran guru dan dapat menggunakan dalam situasi baru.  
Bincangkan tiga (3) peringkat penilaian dalam kelas Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

(25 markah)

5. Guru sekolah rendah menggunakan refleksi untuk menimbaangkan segala tingkahlakunya di bilik darjah.  
Jelaskan senarai semak oleh Turner (1985) yang boleh dijadikan panduan oleh guru-guru sekolah rendah dalam menulis refleksi.

(25 markah)